

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG

TARIKH : 20 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tugas para Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berapakah peruntukan yang diberi kepada mereka setiap tahun dan senaraikan 3 pencapaian terbesar yang telah dilakukan oleh mereka masing-masing semenjak menyandang jawatan itu.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri dan Timbalan Menteri menjalankan tugas-tugas mengikut portfolio yang telah dipertanggungjawabkan, dengan menggunakan perbelanjaan yang dibenarkan seperti yang telah diperuntukkan. Banyak kejayaan yang telah dicapai, antaranya melalui laporan-laporan seperti yang dibentangkan dalam Laporan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Laporan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Sekian. Terima kasih.